

## **Pembangunan Modal Insan Sebagai Satu Pelaburan Penting Dalam Konteks Pembinaan Negara**

**Baharom Mohamad**

Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
[baharom@uthm.edu.my](mailto:baharom@uthm.edu.my)

**Mohamad Johdi Salleh**

Institut Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa  
[johdi@iium.edu.my](mailto:johdi@iium.edu.my)

### **Abstrak**

*Dewasa ini masyarakat ketika ini berhadapan dengan suasana yang penuh dengan kemelut keruntuhan akhlak yang cukup membimbangkan. Sejak akhir-akhir ini kita sering dihidangkan dengan berita-berita yang negatif tentang generasi muda di samping sebilangan kecil kisah kejayaan dan kecemerlangan yang telah diraih oleh mereka. Kes-kes salah laku jenayah sivil, jenayah syariah, masalah disiplin dan adab sering dikaitkan dengan generasi muda. Hal ini tentunya mengundang rasa rungsing dan gusar di kalangan pemimpin negara terutamanya dalam memastikan aspirasi Wawasan 2020 tercapai. Negara telah menetapkan sasaran mencapai taraf negara maju dalam tahun 2020. Tanggungjawab pengisian wawasan adalah tanggungjawab kita bersama. The ‘towering Malays’ ketika itu perlu berada di barisan utama dalam sebuah negara Malaysia yang telah pun mencapai taraf negara maju. Merekalah Melayu, berani bersaing dan berupaya berganding di liga antarabangsa, dalam gelanggang yang lebih luas iaitu dengan peraturan yang lebih bebas. Modal insan sebagai satu pelaburan penting dalam konteks pembinaan negara akan diterangkan dari sudut kesihatan, pendidikan, IPTA, ICT, ekonomi, sosial, perspektif Islam dan moral atau akhlak.*

### **Pengenalan**

Malaysia kini berada pada titik pertengahan dalam perjalanan ke arah mencapai Wawasan 2020 di mana Negara kita akan menjadi Negara yang maju secara holistik. Sebagai panduan untuk mencapai wawasan ini, Misi Nasional–satu rangka kerja bagi agenda pembangunan Negara dengan menggariskan langkah-langkah utama yang harus diambil bagi tempoh lima belas tahun akan dating, telah diwujudkan. Salah satu penekanan dalam Misi Nasional ialah pembangunan modal insan kerana kejayaan masa depan negara bergantung kepada mutu modal insan yang dimiliki sama ada dari segi intelek atau keperibadian. Ini sejajar dengan Falsafah Kebangsaan Negara dan juga matlamat pendidikan negara untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Oleh itu, peranan pendidikan adalah sangat penting dalam usaha pembangunan modal insan ini.

### **Modal Insan Dari Perspektif Agama Islam**

Penyelesaian kepada keruntuhan akhlak ini tidak lain dan tidak bukan adalah dengan kembali menghayati ajaran Islam yang sebenar, iaitu bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah dan

kembali mencontohi keupayaan dan kegemilangan kepimpinan Islam terdahulu, khususnya Rasulullah S.A.W. dan para khalifah. Ajaran Islam telah diterjemahkan di dalam pengurusan yang cemerlang dan gemilang sehingga begitu dikagumi dan berkemampuan mengurus dua pertiga daripada muka bumi ini. Kesannya lahirlah tamadun yang gemilang di era itu seperti tamadun-tamadun awal Islam di Madinah, Bani Umayyah di Damsyik dan Andalus serta Bani Abassiyah di Baghdad. Bagaimanapun setelah kejatuhan kerajaan Bani Uthmaniyah, penjajahan telah membelenggu umat Islam dan melenyapkan kegemilanagan tersebut. Pendidikan, ekonomi dan pengurusan yang menjadi teras umat Islam telah diatur dan dicatur sepenuhnya oleh penjajah termasuklah minda dan pemikiran kita juga telah dijahah tanpa disedari.

Dengan itu kerajaan telah menggariskan satu dasar yang berpandukan Misi Nasional, iaitu menghasilkan modal insan negara yang berkualiti. Menurut Muhammad Hisham bin Mohamad (2005), modal insan (*human capital*) atau dikenali juga sebagai pembangunan sumber manusia. Nilai modal insan ini yang akan mencorakkan hala tuju negara ke arah wawasan yang disasarkan. Tanpa sumber manusia berkualiti, sesebuah negara akan lemah kerana ketiadaan faktor manusia yang menjadi pencetus kepada inisiatif baru dalam kegiatan sosioekonominya.

Aini Jaafar (2006), menjelaskan istilah modal insan (*human capital*) adalah merupakan suatu istilah ekonomi yang baru. Istilah ini juga jelas menggambarkan ianya daripada fahaman kapitalisme. tidak hairanlah, manusia hanya dilihat sebagai buruh dan pengusaha, seperti mana yang terdapat dalam ilmu ekonomi moden. Dengan itu, manusia dilihat sebagai suatu jenis ‘modal’ dan dinamakan sebagai ‘modal insan’, iaitu sebagai suatu ‘aset tenaga’ yang sungguh penting dan bermakna kepada kegiatan ekonomi, pembangunan negara, mahupun kemajuan bangsa dan ummah. Modal ini perlu ‘digerudi’, dibangunkan dan diuji bagi menentukan kemampuannya sebelum memanfaatkannya.

Untuk memahami maksud pembangunan sumber manusia, kita perlu jelas atau tahu matlamat kewujudan unsur terpenting yang hendak dibangunkan iaitu manusia itu sendiri. Asalnya, manusia dijadikan Allah untuk beribadat kepada-Nya. Perkara ini dijelaskan melalui firman-Nya bermaksud: “*Tidaklah Aku jadikan jin dan manusia itu melainkan untuk menyembah kepada Ku.*” (Surah az-Zaariyat, ayat ke 56) dan “*Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia, kamu menyeru kepada kebaikan dan kamu mencegah kemungkaran dan kamu beriman kepada Allah.*” (Surah Ali Imran ayat ke 110). Manusia merupakan makhluk istimewa, kerana memiliki kelebihan akal dan fikiran yang tidak terdapat pada makhluk Allah yang lain. Disebabkan itu manusia merupakan aset paling berharga dan modal terpenting. Faktor utama kejayaan para rasul adalah kehadiran sejumlah pendukung yang setia, komited dan kompeten iaitu para sahabat. Sesungguhnya sejarah para rasul itu amat relevan sekali untuk dijadikan contoh dan teladan dalam konteks pembinaan *work force* atau tenaga kerja berdasarkan nilai-nilai Islam (Malek Shah Mohd Yusoff dan Mohd Fauzan Noordin, 2005). Justeru itu, untuk menjadi sebuah negara membangun yang cemerlang, gemilang dan terbilang maka perlulah terdapat pengisian modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Modal insan berkualiti tidak saja memiliki upaya ilmu dan ketrampilan yang sifatnya semasa dan canggih tetapi ia tidak menolak kepentingan nilai, etika sebagai asas pedoman. Tanpa nilai dan etika remaja akan nantinya kehilangan pedoman dan petunjuk tentang sesuatu yang baik atau buruk, bermanfaat atau membawa akibat buruk, halal atau haram, berguna atau sebaliknya supaya kehidupan dewasanya nanti akan menjadi lebih sejahtera dan baik (Sidek Baba, 2005).

Dalam konteks pembangunan negara kita sering menginginkan supaya Malaysia membangun mengikut acuan tersendiri, hasil daripada pengajaran yang diperolehi daripada penjajahan serta pengalaman pembangunan di barat yang menunjukkan pembangunan fizikal

tidak diiringi dengan moral dan nilai. Oleh itu adalah wajar sekali pembangunan fizikal diimbangi dengan pembangunan rohaniah

### **Pembangunan Modal Insan Sebagai Satu Pelaburan Penting kepada Negara dari sudut Akhlak dan Moral**

Pembangunan sumber manusia yang dikenali juga modal insan (human capital) antara agenda yang akan diberi penekanan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Menurut Muhammad Hisyam (2005), nilai modal insan ini walaupun tidak pernah tertera dengan jelas dalam laporan untung rugi mana-mana organisasi, ia berperanan besar dalam menentukan prestasi organisasi terbabit. Dalam konteks lebih luas, modal insan mencorak hala tuju negara ke arah wawasan yang disasarkan. Tanpa sumber manusia berkualiti, sesebuah negara akan lemah kerana ketiadaan faktor manusia yang menjadi pencetus kepada inisiatif baru dalam kegiatan sosioekonominya (<http://www.ikim.gov.my/v5/index.php>).

Menurut Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, (2006), untuk memperkuatkan modal insan dan membawa perubahan budaya dan sikap pastinya merupakan satu cabaran utama dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-9. Faktor yang paling utama untuk menjadi sebuah negara maju ialah keupayaan dan keperibadian masyarakat negara tersebut. Malaysia tidak boleh lagi dilihat sebagai sebuah negara yang memiliki ‘infrastruktur kelas pertama’ tetapi ‘mentaliti kelas ketiga’. Kita perlu menerapkan pendekatan yang menyeluruh terhadap pembangunan modal insan, yang menekankan bukan sahaja ilmu pengetahuan dan kemahiran tetapi juga nilai etika, minda yang progresif dan kesedaran budaya yang tinggi. ([http://www.utusan.com.my/utusan/SpecialCoverage/RMK9/bahasa/kata\\_pendahuluan.pdf](http://www.utusan.com.my/utusan/SpecialCoverage/RMK9/bahasa/kata_pendahuluan.pdf)).

RMK9 menggariskan strategi Modal Insan untuk meletakkan mentaliti masyarakat kita di kelas pertama. Pembangunan Modal Insan yang ditekankan meletakkan satu tujuan utama iaitu memberi kesedaran kepada masyarakat kita supaya lebih diterap dengan nilai-nilai murni serta disulami dengan warna-warna empati sesama insan (<http://www.islamhadhari.net>). Ini memperlihatkan betapa kuat strategi ini mampu membuang mentaliti kelas ketiga masyarakat kita. Strategi Pembangunan Modal Insan ini dianggap seiring dengan konsep Islam Hadhari yang kelapan iaitu ‘Keutuhan Budaya dan Moral’. Jadi pada itu kerajaan telah memainkan peranan yang amat baik.

Menerusi gagasan Islam Hadhari, pembangunan modal insan ini akan melalui satu skim program pendidikan menyeluruh yang turut merangkumi aspek kerohanian agar insan yang bakal dihasilkan nanti adalah insan yang berkualiti dan dinamik. Strategi yang diambil kerajaan untuk mencapai kemajuan yang dimulakan dengan daya usaha pembangunan modal insan adalah selaras dengan ajaran Islam. Kemakmuran dan kesejahteraan negara banyak bergantung kepada penduduknya. Jadi, jika setiap orang di negara ini mempunyai kualiti seperti beriman, bertakwa dan berakhhlak mulia, tentu ia akan memudahkan proses untuk mencapai kejayaan dalam segala bidang kehidupan. (<http://www.ikim.gov.my/v5/index.php>).

Jelasnya, konsep pembangunan modal insan dalam Islam adalah proses untuk membentuk insan yang baik dan berguna. Ia bukan saja kepada dirinya, malah masyarakat, agama

dan negara. Pembangunan akhlak dan moral seperti ini amat diperlukan untuk memajukan lagi negara dari sudut rohani dan menteliti rakyat.

Bagi menghasilkan modal insan dinamik memerlukan proses pengisian minda dengan ilmu pengetahuan. Modal insan yang berilmu menjadi rebutan organisasi dan syarikat. Mereka adalah aset berharga. Orang berilmu juga tahu untuk memobilisasi sumber pengeluaran yang terhad untuk dimaksimumkan dalam bentuk produk atau perkhidmatan (<http://www.ikim.gov.my/v5/index.php>). Selain itu juga akhlak dan moral orang yang berilmu adalah lebih tinggi kerana mereka telah banyak mempelajari tentang kebaikan dan keburukan sesuatu benda.

Jika dilihat pembangunan modal insan dari segi akhlak dan moral dengan lebih dekat, kita boleh mengambil contoh seperti banduan di pusat-pusat serenti. Banduan-banduan di situ akan menjalani pembangunan modal insan sepanjang berada di pusat serenti untuk membentuk semula akhlak dan moral mereka supaya tidak mengulangi semula kesalahan yang pernah dibuat sebelum ini. Tetapi persoalannya disini adakah pembangunan modal insan yang dijalankan di pusat-pusat serenti betul-betul dapat memperbaiki akhlak dan moral mereka?

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), sejak tahun 1988 sehingga 2005 terdapat 289,763 penagih dadah berdaftar di seluruh negara. Bagi tahun 2005 sahaja terdapat 32,808 orang penagih dadah telah dikesan di mana 53.09% daripada jumlah ini merupakan penagih berulang. 68.10% daripada penagih dadah yang dikesan pula untuk tahun yang sama adalah penagih Melayu (<http://www.ikim.gov.my/v5/index.php>).

Secara purata sejak 1998 hingga 2004, Agensi Antidadah Kebangsaan (ADK) membelanjakan kira-kira RM90.86 juta setahun untuk program-program pengurusan dan pembangunan yang berkaitan dengan pencegahan, pemulihan dan rawatan dadah di Malaysia (<http://www.ikim.gov.my/v5/index.php>).

Untuk mengelakkan daripada berlaku kesalahan berulang sama ada daripada penagih dadah atau kesalahan-kesalahan lain, mereka bukan sahaja perlu dikaunseling, malah mereka perlu diberi pengajaran dalam bentuk yang lebih keras atau lebih tepat lagi perlu ada satu bentuk hukuman yang keras. Mungkin dengan cara ini pembangunan modal insan dari segi akhlak dan moral banduan-banduan dapat ditingkatkan dan diperbaiki.

Menurut Nik Mustapha (2006), untuk menjayakan keharmonian ini di peringkat individu, Islam mengutamakan pendidikan akhlak semoga sahsiah (personaliti) individu dapat dibentuk dengan memiliki sikap (boleh dipengaruhi oleh pandangan hidup) yang positif dan mengamalkan perilaku yang mulia. Usaha ini perlu kepada pendidikan yang dapat membantu kefahaman dan menjalani latihan kerohanian semoga tindak tanduk yang negatif dapat dikurangkan. Akhlak dan perilaku individu sepatut mengarah kepada tanggungjawab individu untuk menghayati segala nilai dan semangat keadilan dalam kesemua urusan pengendalian organisasi. Pendidikan akhlak dengan itu dapat membentuk sikap yang mulia dan positif (<http://www.ikim.gov.my/v5/index.php>).

## Pembangunan modal insan dari aspek pendidikan

Teras dasar pembangunan modal insan adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan penambahbaikan secara komprehensif ke atas sistem penyampaian pendidikan dan latihan.
- ii. Memperkasakan sekolah kebangsaan untuk menjadi sekolah pilihan utama rakyat Malaysia bagi meningkatkan perpaduan negara.
- iii. Melaksanakan langkah bagi merapatkan jurang prestasi antara sekolah di luar bandar dengan di bandar.
- iv. Mewujudkan universiti bertaraf antarabangsa dan memastikan pendidikan dan latihan di peringkat tertiar memenuhi majikan
- v. Menyediakan lebih banyak peluang dan akses kepada pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat yang berkualiti di semua peringkat.
- vi. Membina masyarakat yang inovatif dengan keupayaan S&T yang kukuh dan memiliki kemampuan memperoleh dan menggunakan pengetahuan.
- vii. Memperkuuhkan perpaduan nasional dan membangunkan masyarakat yang mempunyai perspektif progresif, sistem nilai yang boleh diteladani dan budaya mengutamakan prestasi tinggi serta menghargai tradisi dan warisan
- viii. Memperluas dan memperkemas forum perbincangan dan perundingan antara kerajaan, sektor swasta, ibu bapa dan masyarakat dalam pembangunan modal insan.

Sebagai usaha untuk membangunkan modal insan seperti yang terkandung dalam teras dasar pembangunan modal insan di atas, kerajaan telah melaksanakan usaha penambahbaikan sistem pendidikan negara secara menyeluruh, dari peringkat pra-sekolah hingga ke peringkat tinggi dan vokasional. Pada yang sama, penekanan akan diberi kepada usaha memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral. Untuk memantapkan lagi sistem pendidikan dan latihan, dalam Bajet 2007, sejumlah 33.4 bilion ringgit diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan (merupakan 21% daripada keseluruhan Bajet 2007). Daripada jumlah ini, 6.7 billion ringgit diperuntukkan bagi pendidikan rendah, 6.2 billion ringgit bagi pendidikan menengah dan 10.4 billion ringgit bagi pengajian tinggi serta 10.1 billion ringgit lagi untuk program latihan.

## **Perkembangan Pendidikan Prasekolah, Rendah, Menengah dan Khas**

### **Pendidikan Prasekolah:**

Enrolmen kanak-kanak prasekolah berumur empat hingga enam tahun meningkat kepada 702897 pada tahun 2005 (seperti ditunjuk dalam Jadual 1). Sebanyak 51.3% daripada jumlah enrolmen tersebut di prasekolah awam. Penggunaan Kurikulum Kebangsaan Pendidikan Prasekolah bagi kanak-kanak berumur lima hingga enam tahun telah diwajibkan di semua prasekolah mulai tahun 2003 untuk menjamin kualitinya (RMK 9, Bab 11).

### **Pendidikan Rendah dan Menengah:**

Enrolmen di sekolah rendah meningkat kepada 3 juta pada tahun 2005. Pembinaan 9930 bilik darjah baru telah menyumbang kepada peningkatan kelas kepada bilik darjah daripada 1:0.90 pada tahun 2000 kepada 1:0.92 pada tahun 2005. Bagi menggalakkan penyertaan yang lebih besar dan meningkatkan prestasi pelajar di sekolah rendah, pelbagai program sokongan pendidikan seperti Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin disediakan terutamanya kepada pelajar yang daripada keluarga berpendapatan rendah, kawasan pedalaman dan Orang Asli. Enrolmen pelajar Orang Asli di peringkat pendidikan rendah meningkat daripada 21704 pada tahun 2000 kepada 26210 pada tahun 2005 manakala peringkat menengah daripada 5971 kepada 8490. . Program Pembangunan Pendidikan Luar Bandar Sabah dan Sarawak menyediakan

infrastruktur dan kemudahsecara bersepada di sekolah luar bandar dan pedalaman. Pelbagai program dilaksanakan bagi memupuk nilai moral dan etika serta melahirkan warganegara yang bertanggungjawab. Pada tahun 2005, program j-QAF yang berobjektif membantu pelajar memahami pembacaan dan penulisan Jawi, pembacaan dan penghafalan AL-Quran, mendapatkan kemahiran asas dalam bahasa Arab dan memperkuatkannya serta menerapkan amalan fardhu ain telah diperkenalkan kepada pelajar beragama Islam di sekolah rendah yang melibatkan pelajar Tahun 1. Mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan juga diperkenalkan pada tahun 2005 kepada pelajar Tahun 4 sekolah rendah dan Tingkatan Satu sekolah menengah bagi mewujudkan kesedaran mengenai peranan, hak dan tanggungjawab ke arah melahirkan masyarakat yang patriotik.

Untuk pendidikan menengah, enrolmen di sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan meningkat kepada 2.1 juta pelajar pada tahun 2005 seperti yang ditunjuk dalam jadual. Enrolmen pelajar sekolah teknik dan vokasional meningkat kepada 72827 pada tahun 2005. Pembinaan sebanyak 9936 bilik darjah meningkatkan nisbah kelas kepada bilik darjah daripada 1:0.83 pada tahun 2000 kepada 1:0.85 pada tahun 2005. Peratusan pelajar aliran sains meningkat daripada 32.2% pada tahun 2000 kepada 45.6% pada tahun 2005.

JADUAL 11-4  
ENROLMEN<sup>1</sup> DI INSTITUSI PENDIDIKAN AWAM, 2000-2010

Peringkat Pendidikan	Bilangan Pelajar			% daripada Jumlah			Pertambahan (%)	
	2000	2005	2010	2000	2005	2010	RMKe-8	RMKe-9
<b>Prasekolah<sup>2</sup> (4-6)</b>	<b>539,469</b>	<b>702,897</b>	<b>784,200</b>	<b>9.8</b>	<b>11.6</b>	<b>11.9</b>	<b>30.3</b>	<b>11.6</b>
<b>Rendah</b>	<b>2,907,123</b>	<b>3,044,977</b>	<b>3,195,977</b>	<b>52.6</b>	<b>50.0</b>	<b>48.3</b>	<b>4.7</b>	<b>5.0</b>
<b>Menengah Rendah</b>	<b>1,256,772</b>	<b>1,330,229</b>	<b>1,425,231</b>	<b>22.7</b>	<b>21.9</b>	<b>21.6</b>	<b>5.8</b>	<b>7.1</b>
Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan	1,251,466	1,322,212	1,412,235					
Maktab Rendah Sains MARA	5,306	8,017	12,996					
<b>Menengah Atas</b>	<b>707,835</b>	<b>763,618</b>	<b>881,247</b>	<b>12.8</b>	<b>12.6</b>	<b>13.3</b>	<b>7.9</b>	<b>15.4</b>
Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan (Akademik)	637,292	678,646	774,550					
Maktab Rendah Sains MARA	10,118	12,145	21,470					
Sekolah Kerajaan Bantuan Kerajaan (Teknik & Vokasional)	60,425	72,827	85,227					
<b>Menengah Tinggi</b>	<b>94,544</b>	<b>199,636</b>	<b>277,904</b>	<b>1.7</b>	<b>3.3</b>	<b>4.2</b>	<b>111.2</b>	<b>39.2</b>
Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan	48,035	144,194	202,904					
Kursus Pradiploma & Prauniversiti	46,509	55,442	75,000					
<b>Pendidikan Guru</b>	<b>23,740</b>	<b>34,672</b>	<b>45,899</b>	<b>0.4</b>	<b>0.6</b>	<b>0.7</b>	<b>46.0</b>	<b>32.4</b>
<b>Jumlah</b>	<b>5,529,483</b>	<b>6,076,029</b>	<b>6,610,458</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>9.9</b>	<b>8.8</b>

Sumber: Kementerian Pelajaran

Note: <sup>1</sup> Enrolmen merujuk kepada jumlah pelajar pada tahun tertentu di peringkat yang berkaitan.

Menurut Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia, YAB Dato' Seri Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi dalam ucapan Bajet 2007, jumlah enrolmen dijangka mencapai 3.2 juta di sekolah rendah pada tahun 2007. Untuk menampung pertambahan murid ini, sebanyak 22 buah sekolah rendah dan menengah baru akan mula beroperasi pada tahun depan manakala 198 buah sekolah lagi akan dibina termasuk sekolah menengah berasrama penuh. Sementara itu, MARA memperuntukkan 90 juta untuk membina dua Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM) baru dan melengkapkan kemudahan MRSRM sedia ada. Beberapa sekolah rendah dan menengah telah dikenalpasti untuk memberi penekanan kepada bidang khusus seperti sains dan teknologi, teknikal dan vokasional, bahasa dan kesenian serta sukan.

Selain itu, untuk memperluaskan algi penggunaan komputer di sekolah, sebanyak 288 juta ringgit diperuntukkan di bawah Program Pembestarian Sekolah, melibatkan perolehan

komputer dan peralatannya bagi Pusat Akses di seribu buah sekolah dan semua maktab perguruan. Peruntukan tambahan juga disediakan untuk pembelian buku tambahan bagi pusat sumber sekolah untuk menggalakkan budaya membaca di kalangan pelajar sekolah. Selain itu, Bahasa Cina dan Tamil telahpun diajar di sesetengah kebangsaan untuk menarik lebih ramai pelajar Cina dan India ke sekolah kebangsaan. Walau bagaimanapun, mata pelajaran ini diajar hanya untuk tujuan komunikasi. Mulai tahun 2007, Bahasa Cina akan diajar sebagai mata pelajaran penuh di 150 buah sekolah kebangsaan manakala Bahasa Tamil di 70 buah sekolah kebangsaan.

#### **Pendidikan Khas:**

Program Integrasi Pendidikan Khas diperluaskan untuk menyepadukan kanak-kanak istimewa dalam persekitaran sekolah biasa. Di bawah program ini, kurikulum kebangsaan digunakan untuk kanak-kanak kurang upaya penglihatan dan pendengaran di sekolah rendah dan menengah. Kurikulum kebangsaan yang disesuaikan digunakan untuk pembelajaran kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran.

#### **Peningkatan Kualiti:**

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dikaji semula bagi memperkuatkannya penggunaan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar. Pada tahun 2005, pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang diperkenalkan pada tahun 2003 diperluas kepada pelajar Tahun 1 hingga 3, peringkat menengah rendah dan Tingkatan 6 serta kolej matrikulasi.

#### **Pembangunan guru:**

Tumpuan akan diberikan kepada menambah baik kualiti guru memandangkan nisbah guru bagi setiap bilik darjah meningkat. Kurikulum dan kokurikulum latihan perguruan harus diperkuatkannya untuk menjadikan guru sebagai pengurus yang cekap dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta berupaya menggunakan ICT bagi mencipta teknik pengajaran yang inovatif. Pelaksanaan Program Pensiwazahan Guru diteruskan bagi meningkatkan bilangan guru berijazah.

Dalam Bajet 2007, sebanyak 782 juta ringgit disediakan untuk latihan guru, termasuk Program Latihan Guru Pra Perkhidmatan dan Program Latihan Guru Dalam Perkhidmatan manakala 56 juta ringgit disediakan bagi Program Latihan Guru yang dilaksanakan secara usahasama dengan universiti luar negara dan Universiti Terbuka Malaysia. Untuk melaksanakan 67 projek perumahan guru, 101 juta ringgit disediakan terutamanya bagi mereka yang bertugas di luar bandar.

### **Pembangunan Modal Insan Di IPTA Sebagai Satu Pelaburan Penting kepada Negara**

Graduan-graduan yang lahir daripada Institusi Pengajian Tinggi pada hari ini merupakan aset terpenting negara untuk masa hadapan. Pada bahu mereka, tergalas tanggungjawab bagi meneruskan lagi pembangunan negara disamping membentuk kemajuan dari segenap aspek termasuk ekonomi, sosial dan politik. Di dalam utusan Malaysia, (2005) mengatakan "dalam wawasan 2020, modal insan yang memiliki personaliti unggul adalah pemangkin kepada matlamat untuk menjadikan Malaysia negara maju sepenuhnya." ([http://www.mohe.gov.my/pict\\_main/mei\\_05/pg6-27mei05.pdf](http://www.mohe.gov.my/pict_main/mei_05/pg6-27mei05.pdf)). Menurut Timbalan Ketua

Pengarah Sektor Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Awam, Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, dunia hari ini memerlukan graduan-graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik malah memiliki daya saing yang tinggi serta pemikiran kreatif yang mampu mencorakkan masa hadapan. Oleh itu, kerjasama rapat antara IPT dan pihak industri dalam melakukan kajian-kajian yang berpotensi tinggi akan membentuk pemikiran kreatif dan inovatif dikalangan para pelajar selaras dengan aspirasi melahirkan personaliti unggul. Dengan mengadakan program pertukaran pelajar atau program pemindahan kredit dengan universiti universiti di luar negara, kita akan dapat meningkatkan lagi standard IPT ke taraf antarabangsa.

Di dalam ucapan bajet 2007 yang disampaikan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Abdullah bin Hj Ahmad Badawi menyatakan bahawa "sebanyak 10.4 billion ringgit telah di peruntukkan oleh pihak kerajaan bagi Pengajian Tinggi." (<http://www.customs.gov.my/ub07.pdf#search=%22modal%20insan%20di%20IPTA%22>)

Ini adalah bertujuan untuk memantapkan lagi intitusi pengajian Tinggi di negara ini sebagai tempat untuk melahirkan generasi yang berpersonaliti unggul kerana pembangunan modal insan ini merupakan pra-syarat penting di dalam pembangunan negara sama ada dari segi sosial, ekonomi maupun politik. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 menyatakan "usaha membangunkan modal insan berkualiti akan digiatkan. Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan, dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dikatakan modal insan berminda kelas pertama." (<http://www.pmo.gov.my/website/webdb.nsf/vALLDOC>)

Di dalam berita Harian (2005) menyatakan bahawa "Usaha kerajaan membangun modal insan harus mendapat sokongan semua pihak, terutama mereka yang diberi tanggungjawab serta peruntukan melalui bajet kerajaan. Ini termasuk semua sekolah dan institusi pengajian, institusi latihan serta agensi yang memainkan peranan membina sahsiah masyarakat" (<http://groups.yahoo.com/group/SiberMelayu/message/911>). Ini jelas menunjukkan IPTA meminkan peranan yang penting dalam merealisasikan hasrat kerajaan bagi melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tapi juga dari segi pembangunan sahsiah. Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sentiasa memberi penekanan kepada modal insan sebagai ciri utama membangun dan memajukan negara. Modal insan yang perlu dibina bukan sekadar mereka yang berpelajaran. Untuk menjadi negara berdaya saing dan berdaya maju, kita perlu membina modal insan yang lengkap dari segi ilmu, kemahiran dan keperibadian unggul. Di dalam Laporan Parlimen keselbelas, (2005) Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba menyatakan bahawa bagi melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang mempunyai ciri-ciri "Towering Personality", Kementerian Pengajian Tinggi telah meminta agar semua IPTA memantapkan program pengajian yang melibatkan kurikulum dan aktiviti kokurikulum masing-masing. Program-program yang mantap akan dapat mempertingkatkan lagi keupayaan pelajar dalam membina sikap yang lebih berdaya saing, berkeyakinan dan mempunyai perwatakan unggul di samping memberi ruang kepada pelajar untuk membina kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran dalam bidang pengurusan, keusahawanan dan kepimpinan. Dengan itu menjadi tugas pihak pengurusan di IPTA untuk memastikan program-program yang dilaksanakan di institusi itu mampu untuk melahirkan graduan yang mempunyai nilai-nilai modal insan sejajar dengan kehendak pihak kerajaan dalam usaha membangunkan negara. IPTA juga menerapkan ilmu keusahawanan dalam kurikulum semua program pengajian yang ditawarkan. Aspek yang dinyatakan tadi memberikan ruang untuk mahasiswa mahasiswi selama berada di alam kampus mengatasi masalah sikap dan tabiat yang diperlukan oleh pasaran kerja yang mahukan mereka berpersonaliti unggul dalam mengurangkan kadar pengangguran.

Menurut Ishak Yussof, (2003) ”Teori modal manusia dan pendekatan kadar pulangan umpamanya telah membuktikan bahawa pendidikan berupaya meningkatkan produktiviti dan pendapatan seseorang yang selanjutnya boleh mendorong kepada pertumbuhan ekonomi.” (<http://www.penerbit.ukm.my/jdidik28-03.pdf>). Pembangunan modal insan di IPTA amat penting bagi institusi ini melahirkan insan yang mampu menaikkan nama negara bukan dari segi kemahiran dan kepakaran semata-mata tapi juga dengan menonjolkan sikap dan keperibadian yang mulia bagi mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini seperti rasuah dan sebagainya. Ini kerana kita sering melihat bagaimana orang berilmu dan mahir dalam bidang pilihan mereka boleh terbabit dalam jenayah dan kejahatan. Apa yang berlaku ialah mereka menyalahguna ilmu dan kepakaran untuk menyeleweng, menipu atau mencuri. Seandaikan perkara-perkara sebegini berlaku, menunjukkan bahawa pembangunan modal insan di IPTA gagal dilaksanakan dan sekaligus akan memburukkan nama baik IPTA di negara kita.

### **Modal Insan sebagai satu pelaburan penting dalam konteks pembinaan negara dari sudut ICT**

Pada masa ini, megara malaysia adalah berada di titik pertengah untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. Jadi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah memperkenalakan Misi Nasional yang mengariskan lima teras utama untuk tempoh 15 tahun akan datang. Misi Nasional akan menumpukan usaha negara kepada bidang-bidang utama yang akan membawa kepada pencapaian Wawasan 2020. Bidang-bidang utama ini meliputi keupayaan negara untuk bersaing di peringkat global, pembangunan modal insan, integrasi nasional, hubungan antara kaum, pengagihan pendapatan dan kekayaan, serta mutu hidup rakyat. Misi Nasional yang dirangka merangkumi lima teras utama.

Teras Pertama adalah Meningkatkan nilai ditambah dalam ekonomi negara. Dalam teras pertama kerajaan mensasarkan untuk meningkatkan nilai tambah sektor ekonomi sedia ada dengan mewujudkan aktiviti berdasarkan pengetahuan dan peluang pekerjaan dalam bidang ICT, bioteknologi, nanoteknologi dan perkhidmatan. Bagi Teras Kedua pula kerajayaan ingin meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk ‘minda kelas pertama’. Kerana kejayaan negara kita di masa hadapan bergantung kepada mutu modal insan yang dimiliki. Mutu modal insan yang dimaksudkan bukan sahaja dinilai dari segi intelek tetapi juga keperibadian.

Teras Ketiga adalah menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif. Manakala Teras Keempat adalah untuk meningkatkan tahap dan kemampunan kualiti hidup rakyat. Bagi teras terakhir iaitu, Teras Kelima yang menjurus kepada pengukuhan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara.

Modal insan adalah teras kedua dalam Misi National negara. Oleh itu, jelas bahawa dalam Bajet 2007, pembangunan modal insan dititik berat oleh Perdana Menteri. Perdana Menteri menekankan membangunkan modal insan yang berpengetahuan, kreativiti, inovasi serta **mempunyai ‘minda kelas pertama’**. Kerana ia merupakan prasyarat yang penting dalam membina negara yang lebih berdaya saing dan maju.

Bagi menjayakan salah satu Misi Nasional yang dirangka kerajaan memperuntukkan RM33.4 bilion atau 21 peratus daripada jumlah bajet sebanyak RM159.4 bilion untuk belanja mengurus dan pembangunan modal insan. Ini termasuklah meningkatkan kualiti modal insan dengan menggalakkan penggunaan teknologi, komunikasi dan maklumat (ICT), iaitu RM1.2 bilion untuk ICT, pembangunan kurikulum, asrama dan rumah guru. Pendidikan berkualiti akan

memastikan mereka kekal relevan dengan kehendak pasaran semasa dan dengan itu, mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat.

Penerapan ICT merangkumi semua aspek termasuk aspek ekonomi. Dalam ucapan Bajet 2007, Perdana Menteri telah menyatakan bahawa semua sektor ekonomi negara menampakkan kemajuan termasuklah pengembangan sektor ekonomi baru seperti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Modal insan dalam sektor ekonomi baru penting dalam proses transformasi ekonomi berpaksikan teknologi dan pengetahuan. Pembangunan sumber manusia perlu digilap kerana ianya elemen terpenting dalam memastikan negara terus berdaya saing dan berdaya tahan, lebih-lebih lagi dalam zaman ekonomi sejagat yang berlandaskan pengetahuan, serta bertunjangkan sains dan teknologi.

Untuk membangun modal insan dalam sektor ekonomi baru, kerajaan perlu menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan dan mempunyai kompetensi bersesuaian dengan keperluan industri. Sebagai contoh, penubuhan Institut Pembangunan ICT untuk menambahkan lagi bekalan pekerja berpengetahuan (*knowledge workers*) dengan menyediakan kemahiran yang diperlukan oleh industri ICT, terutamanya syarikat *shared services* dan *outsourcing*. Kualiti pendidikan akan diutamakan supaya warga Malaysia dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni untuk menjadi tenaga kerja yang menghayati budaya kerja berprestasi tinggi.

Selain sektor ekonomi baru, bidang pertumbuhan baru RM 1 bilion telah diperuntukkan dalam usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuklah teknologi maklumat dan komunikasi. Pelaburan ini akan memberi tumpuan kepada modal teroka serta perlindungan hak intelek dalam pendidikan, latihan semula serta pertalian antara universiti dan industri. Kerana tanggungjawab membangun modal insan sudah pasti tidak terletak pada bahu kerajaan saja. Rakyat sendiri bertanggungjawab memberi reaksi positif kepada usaha membangun modal insan berkualiti. Sebagai contoh majikan pula perlu menggalakkan para pekerja melibatkan diri dalam usaha R & D dan memberi latihan bagi pekerja untuk meningkatkan pengetahuan.

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia tidak terlindung daripada persekitaran yang semakin kompetitif, lebih-lebih lagi dengan bermulanya era ICT. Jadi Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkaitan ICT. Malaysia akan memanfaatkan potensinya dengan terus menggalakkan pertumbuhan industri perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar (“*shared services and outsourcing industry*”). Bagi menjaya usaha ini kerajaan perlu melengkap modal insan yang pakar dalam bidang ICT.

Sebagai langkah awal untuk melahirkan insan yang berpengetahuan ICT peruntukan besar diberi untuk memperluas penggunaan komputer di sekolah. Orang perseorangan juga digalak menggunakan komputer dengan kenaikan pelepasan cukai untuk pembelian komputer kepada RM3,000 setiap tiga tahun. Beberapa program latihan untuk menambah baik kualiti guru juga dicadangkan. Latihan kemahiran khusus untuk siswazah dalam bidang ICT, kejuruteraan dan kewangan akan diperluaskan untuk meningkatkan kemahiran dan kesediaan siswazah mendapat pekerjaan.

Selain itu, penggembelingan modal insan sebagai penjana, penghubung, penggerak, pelaksana dan penyelaras kepada sumber-sumber lain yang ada dalam organisasi akan dipertingkatkan. Tanpa sumber manusia, sumber-sumber lain tidak mungkin dapat memberi faedah ataupun pulangan kepada organisasi. Ke arah membangunkan sumber manusia, pentadbiran negeri terus melaksanakan program supaya pekerja-pekerja memiliki pengetahuan

melalui pembelajaran berterusan, bekerja secara berpasukan, bersikap fleksibel dan inovatif serta perkongsian pengetahuan dan maklumat. Kecanggihan teknologi, sistem dan struktur organisasi belum tentu dapat menjamin kejayaan sesebuah organisasi jika sumber manusia tidak memiliki tahap kompetensi dan sikap positif terhadap kerja.

Budget 2007 juga menyatakan bahawa kerajaan akan mewujudkan program latihan khusus yang dikendalikan oleh syarikat ICT terkemuka untuk menambah tenaga kerja mahir dalam bidang ICT. Bagi tujuan ini, siswaza yang berkelulusan IT dan kejuruteaan dapat perluang untuk mengikut latihan dalam program khas. Di dalam program khas mereka akan diberi latihan yang melibuti meningkatkan pengetahuan, kemahiran, penguasaan bahasa asing, komunikasi, kepimpinan dan sebagainya. Jadi, mereka dapat melengkapkan diri dengan kemahiran ICT agar dapat menyumbang sebagai modal insan yang boleh meransang pembangunan negara.

MDeC pula menyediakan program latihan kerja (job camp) untuk seribu siswaza menganggur dan Program Peningkatan Profesionalisme bagi lima ribu siswaza dalam tempoh satu tahun untuk melahirkan tenaga kerja berasaskan ICT untuk memenuhi permintaan industri.

### **Modal Insan sebagai satu pelaburan penting dalam konteks pembinaan negara dari sudut sosial**

Pembangunan negara haruslah berpaksikan kepada konsep pembangunan yang seimbang. Ia bukan sahaja seimbang dari segi pembangunan ekonomi malah ia juga perlu seimbang dari segi pembangunan dan kemajuan sosial. Kemajuan sosial ini adalah dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual dimana ia bertujuan untuk mencapai matlamat utama pembangunan, iaitu kesejahteraan dalam masyarakat secara keseluruhannya.

Usaha-usaha perlu diambil untuk memperkuatkan faktor-faktor seperti kesejahteraan, keharmonian, persefahaman, perkongsian dan sebagainya yang mendorong anggota masyarakat untuk saling memahami, bekerjasama dan berkompromi demi mempertahankan kepentingan bersama dalam merealisasikan masyarakat yang maju dan mantap. Segala usaha perlu diambil untuk memperkuatkan sistem sokongan sosial yang sedia wujud iaitu sistem keluarga, komuniti, agama, pendidikan dan organisasi sosial.

Golongan belia adalah golongan muda yang berdaya membangunkan sesebuah Negara. Oleh itu, golongan ini haruslah berusaha dan bergiat aktif dalam mencapai wawasan 2020. Kegiatan dan aktiviti golongan belia ditumpukan ke arah penjanaan kualiti modal insan yang berdaya maju, progresif, proaktif, dan tanpa kita menolak belia tentang pasukan untuk bersukan, berhibur dan bersosial. Kegiatan belia juga dijana bagi menjayakan agenda pembangunan modal insan sebagaimana yang disarangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Dengan itu, golongan belia, perlulah merangka aktiviti-aktiviti untuk menyahut cabaran dan agenda kerajaan secara individu dan kolektif. Kerajaan juga telah melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara dalam melahirkan insan yang berdaya saing dan proaktif. Program ini diadakan bertujuan untuk membantu kerajaraan dalam mengurangkan gejala sosial dan seterusnya melatih golongan ini dalam mengekalkan kesejahteraan dan keselamatan Negara.

Kerjasama di kalangan sektor awam dan sektor swasta serta sukarela perlu dipertingkatkan untuk mewujudkan satu *synergy* tenaga dan sumber dalam masyarakat yang berasaskan konsep bahawa pembangunan sosial adalah tanggungjawab semua. Pencapaian sebuah negara harmoni yang sebenar, hendaklah berpaksikan kepada semangat pewujudan perlembagaan yang asal. Pembinaan negara Malaysia adalah berasaskan kepada perlembagaan yang

berpandukan cadangan *Reid Commission* yang merangkumi semua aspek iaitu hak asasi, kebebasan beragama, hak pendidikan, hak berkongsi dalam kemajuan negara dan mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi negara. Setiap warganegara ialah rakyat Malaysia, dan rakyat Malaysia mempunyai segala usaha sama yang telah diusahakan.

### **Pengenalan kepada pembangunan modal insan dan perkaitannya dengan ekonomi**

Pembangunan modal insan adalah antara salah satu agenda utama negara untuk membentuk individu berketrampilan dan berkualiti dalam melahirkan masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Malah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi tempoh antara 2006 dan 2010 turut merangkumi aspek-aspek pembangunan modal insan. RMK-9 yang telah disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, turut memberi penekanan berhubung pertumbuhan ekonomi dan pengagihan kekayaan di kalangan rakyat. Misi modal insan ini dijalankan adalah untuk membangunkan insan yang berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, memiliki nilai jati diri, beretika, mempunyai pendidikan, terlatih dan mempunyai pekerjaan sewajarnya (<http://www.perdana.net.my/modules.php?name=News&file=article&sid=56>). Pembangunan modal insan bukan saja penting kepada pertumbuhan individu sahaja. Malah ia juga penting untuk pertumbuhan masyarakat, malah memberi kesan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Ismail Mohd Salleh, berkata pembangunan modal insan mempunyai dimensi yang luas iaitu daripada aspek individu, masyarakat dan ekonomi. Dengan memperkuuhkan modal insan itu sendiri, ia akan menggalakkan peningkatan produktiviti negara, sekali gus akan menjana pendapatan lebih baik di samping mewujudkan peluang pekerjaan (<http://www.perdana.net.my/modules.php?name=News&file=article&sid=56>).

Bagi negara yang mana aset materialnya rendah seperti Korea Selatan dan Jepun, mereka berjaya membuktikan bahawa pembangunan modal insan dapat membantu memajukan diri dan negara setanding negara maju lain (<http://www.perdana.net.my/modules.php?name=News&file=article&sid=56>). Kejayaan yang dicapai kedua-dua negara itu sering dijadikan model oleh negara lain, termasuk pesaing dalam menangani aspek nilai dan jati diri sebagai pemacu kepada pertumbuhan negara. Dengan nilai modal insan yang tinggi, rakyat Jepun dan Korea Selatan berjaya membuka mata dunia terhadap kemajuan yang dicapai. Rakyatnya mempunyai kesetiaan tinggi bukan saja terhadap negara, malah pekerjaan. Sikap rakyat negara-negara ini patut dicontohi masyarakat Malaysia untuk turut serta memperkembangkan lagi sektor ekonomi negara.

Sekiranya seseorang itu sekadar mempunyai modal insan seperti berbakat sahaja, sebenarnya akan dipermodalkan sekiranya insan itu sendiri tidak tahu menggunakan dirinya sebagai modal. Modal insan perlu dipenuhi dengan intelektual dan kemahiran. Contohnya seorang usahawan perlu memperkembangkan modal insan yang ada dalam dirinya dengan mengasah dan meluaskan lagi intelek dan kemahiran untuk memasarkan produk mereka. Jika mereka sekadar bermodalkan bakat, perniagaan mereka akan berakhir dengan gulung tikar kerana ketidaaan ilmu dan kemahiran pemasaran yang cekap. Oleh itu tiada jalan pintas dalam memenuhi diri untuk dijadikan modal dengan mengisi ilmu terutamanya, sepetimana nasihat Ibnu Mas’ud R.A ;

*“Tuntutlah ilmu sebelum ilmu itu diangkat. Ilmu diangkat dengan kematian perawi-perawinya. Demi Tuhan yang jiwaku di dalam kekuasaanNya! Sesungguhnya orang-orang syahid dalam*

*perang sabil lebih suka dibangkitkan oleh Allah nanti sebagai ulama kerana mereka mengetahui kemuliaan ulama. Sesungguhnya tak seorang pun dilahirkan berilmu. Ilmu diperolehi dengan belajar”.*

Kalau begitulah kata nasihat Tokoh Islam kita, maka janganlah kita cuba mempertikaikannya lagi. Oleh itu penuhilah minda, penuhilah dada dengan ilmu pengetahuan yang dituntut dan dipelajari supaya kita dapat menjadi salah seorang yang digelar modal insan.

### **Kepentingan pembangunan modal insan kepada ekonomi**

Dalam merealisasikan modal insan yang gemilang, pembentukan sahsiah unggul dalam diri setiap individu tanpa mengira keturunan dan bangsa adalah penting bagi memajukan ekonomi diri, masyarakat dan negara. Pembangunan modal insan berminda kelas pertama juga penting dalam era ekonomi yang menjadikan ilmu pengetahuan sebagai teras. Oleh itu, potensi modal insan negara harus dimanfaatkan sepenuhnya dengan melengkapkan rakyat Malaysia dalam pelbagai kemahiran terkini yang relevan dengan cabaran dan persaingan global. Menurut Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, selaku Menteri Kewangan, rakyat Malaysia perlu menghayati nilai jujur, berintegriti, cemerlang dan bertanggungjawab serta memiliki pemikiran kelas pertama seiring dengan infrastruktur kelas pertama yang dimiliki sekarang ([Http://www.bharian.com.my/Misc/Bajet2006/Hari/Laporan\\_Ekonomi/20051001130043/Article2](Http://www.bharian.com.my/Misc/Bajet2006/Hari/Laporan_Ekonomi/20051001130043/Article2)).

Modal insan mampu mencorak hala tuju negara ke arah wawasan yang disasarkan iaitu Wawasan 2020. Tanpa sumber manusia berkualiti, sesebuah negara akan lemah kerana ketiadaan faktor manusia yang menjadi pencetus kepada inisiatif baru dalam kegiatan sosioekonominya ([Http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com\\_article&grp=2&sec=&key=738&cmd=resetall](Http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=738&cmd=resetall)). Bagi menghasilkan sumber insan dinamik memerlukan proses pengisian minda dengan ilmu pengetahuan. Sumber manusia yang berilmu menjadi rebutan organisasi dan syarikat. Mereka adalah aset berharga kerana tahu untuk memobilisasi sumber pengeluaran yang terhad untuk dimaksimumkan dalam bentuk produk atau perkhidmatan.

Berdasarkan kepada pengumuman yang pernah dibuat oleh pemimpin negara selama ini, dalam menyediakan program pembangunan infrastruktur, RMK-9 tidak hanya menumpukan perhatian kepada pembangunan prasarana fizikal semata-mata. Sebaliknya, tumpuan sama pentingnya ialah pembinaan ‘soft infrastructure’ seperti mengukuhkan integriti penjawat awam, mengubah minda serta meningkatkan moral masyarakat. Tidak ada gunanya negara mempunyai modal insan yang cekap, bijaksana dan berketrampilan jika mereka tidak berwibawa, mempunyai moral yang rendah atau tidak beretika (<Http://www.neac.gov.my/index.php?ch=62&pg=145&ac=1946>).

### **Kesan pembangunan modal insan terhadap pembangunan ekonomi**

Rakyat Malaysia perlu bersyukur kerana pentadbiran kerajaan kita berwawasan jauh. Kita dapat melihat bagaimana selepas kemelesetan ekonomi pada pertengahan 1980-an, kerajaan mempelbagaikan asas ekonomi daripada pergantungan kepada sektor pertanian kepada usaha meneroka sektor industri Langkah menyeluruh dan bersepadan dilaksanakan bagi menarik pelaburan langsung asing (FDI) dalam bidang ini. Hasilnya, kita berjaya mengalami pertumbuhan ekonomi tinggi seterusnya membolehkan taraf hidup rakyat meningkat ([http://www.inmind.com.my/index.php?option=com\\_docman&task=cat\\_view&gid=94&Itemid=1](http://www.inmind.com.my/index.php?option=com_docman&task=cat_view&gid=94&Itemid=1)).

31). Namun rakyat tidak boleh leka kerana akan ketinggalan semula di dalam ekonomi kerana negara luar yang telah lama mempraktikkan modal insan telah berjaya mengatasi kita dari segi pertumbuhan ekonomi.

Apabila nilai modal insan ini mula diterapkan di Malaysia, maka pada tahun 2005, meskipun pertumbuhan ekonomi dunia adalah rendah pada tahun tersebut, ekonomi Malaysia tetap mencatat pertumbuhan yang membanggakan. Ini adalah kesan daripada pengaplikasian modal insan dalam sistem ekonomi di Malaysia. Kesan ini dibuktikan dengan ucapan oleh Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, ekonomi pada tahun 2005 mencapai pada paras lima peratus, didorong oleh kekuahan permintaan domestik dan harga komoditi yang kekal tinggi serta didokong oleh sistem perbankan yang mantap. Akaun semasa terus mencatatkan lebihan selama 93 bulan berturut-turut sehingga Julai 2005, rizab antarabangsa berada pada paras yang tinggi sementara hutang luar negara terus berada pada tahap yang terkawal ([Http://www.bharian.com.my/Misc/Bajet2006/Hari/Laporan\\_Ekonomi/20051001130043/Article2](http://www.bharian.com.my/Misc/Bajet2006/Hari/Laporan_Ekonomi/20051001130043/Article2) ).

Pada masa kini, walaupun ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan yang tinggi dan menggalakkan, jurang pendapatan di kalangan masyarakat juga semakin melebar (<http://www.perdana.net.my/modules.php?name=News&file=article&sid=56>). Ini berlaku kerana pengagihan kekayaan yang tidak merata. Demi untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan, jurang pendapatan di antara rakyat harus dikecilkan. Oleh itu, penerapan modal insan terhadap anak-anak sejak kecil lagi harus dimulakan. Apabila ilmu ini berjaya diselami mereka dengan penuh kesedaran terhadap tanggung-jawab yang diamanahkan, pada masa akan datang mereka pasti akan menggunakan ilmu yang dipelajari ke arah membantu negara dalam menyeimbangkan ekonomi sesama masyarakat.

### **Modal Insan sebagai satu pelaburan penting dalam konteks pembinaan negara dari sudut Kesihatan**

Kesihatan merupakan salah satu elemen yang penting dalam pembinaan sesebuah negara berdaya saing dan maju dalam suasana global yang kian mencabar ini. Kesihatan adalah harta yang paling berharga bagi seseorang manusia, tanpa badan yang sihat, seseorang itu tidak dapat melakukan apa-apa kerja dan aktiviti. Oleh itu, kesihatan adalah perkara yang paling diutamakan dalam pembinaan sesebuah negara.

Menyedari hakikat ini, kerajaan telah memperuntukkan RM300 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) untuk Kementerian Kesihatan bagi tujuan latihan dalam perkhidmatan yang khusus kepada anggota perkhidmatan kesihatan bagi pembangunan modal insan. Dengan ini, pengurusan sumber manusia kesihatan haruslah diperkuatkan lagi bagi memastikan program latihan, bekalan sumber manusia dan pengagihan sumber manusia dapat dirancang dan dilaksanakan dengan baik.

Dalam majlis konvokesyen Kolej Kejururawatan dan Majlis Jasamu Dikenang, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Hari Kualiti Kementerian Kesihatan peringkat negeri Terengganu , Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Mohd Nasir Mohd Ashraf berkata tidak dinafikan bahawa modal insan merupakan faktor penting dalam pembangunan sesebuah negara. Dalam ucapan beliau mengatakan "Ini (pembangunan modal insan) sudah terbukti di negara-negara maju di mana penghasilan negara hampir sepenuhnya bergantung kepada modal insan," Dr Mohd Nasir juga menasihati para graduan supaya meneruskan pembelajaran walaupun setelah tamat mengikuti latihan selama tiga tahun kerana proses pembelajaran merupakan proses

sepanjang hayat. Para graduan harus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan menghadiri latihan lanjutan yang disediakan atau melalui inisiatif graduan sendiri.

Dalam konteks pelaburan pembinaan modal insan, Kementerian kesihatan berharap semua anggota Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai "soft skill". Soft skill merupakan faktor yang penting dalam membantu meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan dan kesanggupan jururawat dalam memberi senyuman, bertanya khabar dengan pesakit, menggunakan bahasa dan tutur kata yang mesra merupakan antara kemahiran yang dapat meningkatkan kepuasan pelanggan. Semua anggota Kementerian Kesihatan Malaysia haruslah menganggap pesakit adalah seolah-olah ahli keluarga mereka sendiri selaras dengan konsep penyayang di bawah budaya korporat Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan dan melaksanakan program untuk menambah baik status kesihatan penduduk khususnya di peringkat penjagaan primer. Kemudahan yang sedia ada akan dinaik taraf manakala kemudahan baru akan dibina bagi menyediakan pakej perkhidmatan yang menyeluruh.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, modal insan adalah aset terpenting kepada organisasi dan negara. Jatuh bangun sesebuah bangsa dan negara itu bergantung sepenuhnya kepada kualiti yang ada pada modal insan. Justeru, agenda pembangunan modal insan perlu diutamakan dalam proses pembangunan sesebuah negara kerana ia adalah pemangkin yang bakal mencorak tahap kemajuan dan kemunduran bangsa itu. Pembangunan modal insan ini perlu digerakkan secara produktif dan proses pendidikan menjadi titik tolak kepada usaha itu. Perlu diingatkan bahawa proses pendidikan di sini adalah proses berterusan dan perlu dilakukan secara komprehensif. Unsur kemahiran dan nilai itu diadun bersama agar modal insan yang bakal mewarnai negara adalah modal insan yang mempunyai nilai dalam erti kata sebenar.

Jatuh bangun sesebuah bangsa dan negara itu bergantung sepenuhnya kepada kualiti yang ada pada sumber manusianya. Justeru itu, agenda pembangunan sumber manusia perlu diutamakan dalam proses pembangunan sesebuah negara kerana ia adalah pemangkin yang bakal mencorak tahap kemajuan dan kemunduran bangsa itu. Sumber manusia ini perlu digerakkan secara produktif dan proses pendidikan menjadi titik tolak kepada usaha itu. Unsur kemahiran dan nilai itu diadun bersama agar sumber manusia yang bakal mewarnai negara adalah sumber manusia yang mempunyai nilai dalam erti kata sebenar. Oleh itu kita sebagai warganegara Malaysia perlu menyemarakkan semangat pembelajaran sepanjang hayat, senantiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dan melaksanakan kerja yang terbaik dan berkualiti. Kita juga harus mempraktikkan budaya kerja cemerlang. Tugas kita untuk memastikan negara terus berada di landasan pertumbuhan ekonomi yang kukuh adalah besar dan mencabar. Namun, kita akan menjadi sebuah negara yang benar-benar maju dan kaya dengan nilai-nilai murni, jika kita mempunyai iltizam dan berusaha dengan bersungguh-sungguh.

Kerajaan telah berusaha dan melabur dengan banyak dalam pembangunan modal insan. Akan tetapi, tepuk sebelah tangan takkan berbunyi, masyarakat harus memberi kerjasama yang sepenuhnya untuk bersama-sama membangunkan modal insan. Dalam konteks ini, peranan guru adalah sangat penting kerana mereka merupakan *role model*, pembentuk akhlak yang mulia dan pakar dalam pengetahuan yang dimiliki dan diajarnya kepada pelajar. Selain itu, peranan ibu bapa juga penting untuk mendidik dan memotivasi anak-anak supaya mereka menjadi insan yang

Prosiding “Seminar Pembangunan Modal Insan 2009”, Tema: Kecemerlangan Modal Insan. Pada: 23 – 24 Mac 2009. Tempat: Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan.

berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada negara.

## Rujukan

- Abdullah Ahmad Badawi (2006). “Kata Pendahuluan : Rancangan Malaysia Kesembilan.”[http://www.utusan.com.my/utusan/SpecialCoverage/RMK9/bahasa/kata\\_pendahuluan.pdf](http://www.utusan.com.my/utusan/SpecialCoverage/RMK9/bahasa/kata_pendahuluan.pdf).
- Muhammad Hisyam Mohamad, (2005). “Islam Hadhari Bentuk Modal Insan Berkualiti.” Institut Kefahaman Islam Malaysia.  
<http://www.ikim.gov.my/v5/index.php>
- Muhammad Hisyam Mohamad, (2006). “Penagih Dadah : Beban Kepada Masyarakat.” Institut Kefahaman Islam Malaysia. <http://www.ikim.gov.my/v5/index.php>
- Nik Mustapha Nik Hassan (2006). “Islam Dan Pengurusan Organisasi”. Institut Kefahaman Islam Malaysia. <http://www.ikim.gov.my/v5/index.php>
- Pesona (2006). “Keutuhan Budaya dan Moral Masyarakat Malaysia”.  
<http://www.islamhadhari.net>
- Berita Harian, (2005). Pembangunan modal insan usaha lahirkan graduan berdaya saing. 10 Oktober 2005. Diperolehi dari <http://groups.yahoo.com/group/SiberMelayu/message/911>. (Tarikh ambilan 3 Oktober 2006)
- Ishak Yussof, (2003). Pelaburan Pendidikan Tinggi: Analisis Perbandingan IPTA-IPTS di Malaysia. **Jurnal Pendidikan 28 (2003) 33 – 46.** Diperolehi dari <http://www.penerbit.ukm.my/jdidik28-03.pdf>. (Tarikh ambilan 3 Oktober 2006)
- Laporan Parlimen kesebelas, (2005). *Rancangan dan langkah melahirkan “Towering Personality” di kalangan mahasiswa dan mahasiswi . Diperolehi dari [http://www.malaysia-today.net/parlimen/2005\\_04\\_21\\_MT\\_parlimen\\_archive.htm](http://www.malaysia-today.net/parlimen/2005_04_21_MT_parlimen_archive.htm).* (Tarikh ambilan 3 Oktober 2006)
- Ucapan Bajet, (2006). Melaksanakan Misi Nasional Ke Arah Mencapai Wawasan Negara. Diperolehi dari <http://www.customs.gov.my/ub07.pdf#search=%22modal%20insan%20di%20IPTA%22>. (Tarikh ambilan 3 Oktober 2006)
- Utusan Malaysia, (2005). Menaikkan Martabat IPTA ke tahap yang lebih Membanggakan. 27 Mei 2005. Diperolehi dari [http://www.mohe.gov.my/pict\\_main/mei\\_05/pg6-27mei05.pdf](http://www.mohe.gov.my/pict_main/mei_05/pg6-27mei05.pdf). (Tarikh ambilan 3 Oktober 2006)
- Amanat Y.B. Dato’ Dr. Chua Soi Lek, Menteri Kesihatan Malaysia Bagi Tahun Baru 2006 .Perhimpunan Pagi 24 Januari 2006 .
- Berita Bernama. RM300 Juta Bagi Pembangunan Modal Insan Kementerian Kesihatan dari <http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/>
- Abdul Rahman Sulaiman. Meniti Arus: Penyertaan rakyat jayakan RMK-9. Laman Web National Economic Action Council. 24 Mac 2006. Diperoleh pada 4 Oktober 2006, dari <http://www.neac.gov.my/index.php?ch=62&pg=145&ac=1946>
- Laporan ekonomi: Membangunkan modal insan. Berita Harian. 30 Mac 2006. Diperoleh pada 4 Oktober 2006, dari [http://www.bharian.com.my/Misc/Bajet2006/Hari/Laporan\\_Ekonomi/20051001130043/Article2](http://www.bharian.com.my/Misc/Bajet2006/Hari/Laporan_Ekonomi/20051001130043/Article2)
- Menjelang RMK-9: Modal insan agenda utama kerajaan. Berita Harian. 30 Mac 2006. Diperoleh pada 4 Oktober 2006, dari <http://www.perdana.net.my/modules.php?name=News&file=article&sid=56>
- Mohamad Khir Toyo. Modal insan pengukur daya saing negara. Laman Web Institut

Prosiding "Seminar Pembangunan Modal Insan 2009", Tema: Kecemerlangan Modal Insan. Pada: 23 – 24 Mac 2009. Tempat: Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan.

- Perkembangan Minda. 17 Januari 2006. Diperoleh pada 4 Oktober 2006, dari [http://www.inmind.com.my/index.php?option=com\\_docman&task=cat\\_view&gid=94&Itemid=31](http://www.inmind.com.my/index.php?option=com_docman&task=cat_view&gid=94&Itemid=31)
- Aini Jaafar (2006). "*Islam Dan Modal Insan.*" Yayasan Dakwah Islamiah. Diperoleh semula pada 4 Oktober 2006 daripada <http://www.yadim.com.my/Sosial/SosialFull.asp?SosialID=320>
- Amini Amir Abdullah (2006). "*Islam Hadhari Dan Proses Pembangunan Negara.*" Pusat Islam UPM. Diperolehi semula pada 3 Oktober 2006 daripada [http://www.pic.upm.edu.my/index2.php?option=com\\_content&do\\_pdf=1&id=9#search=%22modal%20insan%20dalam%20pembangunan%20negara%20\(agama%20islam\)%22](http://www.pic.upm.edu.my/index2.php?option=com_content&do_pdf=1&id=9#search=%22modal%20insan%20dalam%20pembangunan%20negara%20(agama%20islam)%22)
- Malek Shah Mohd Yusoff dan Mohd Fauzan Noordin, (2005). "*Pengurusan Islami: Suatu Perbandingan Dari Segi Proses, Pemikiran, Strategik Dan Pembangunan Sumber Daya Manusia.*" Seminar Pengurusan Dalam Islam. Diperoleh semula pada 4 oktober 2006 daripada <http://www.lpp.gov.my/more/PROSES%20PEMIKIRAN%20STRATEGIK.pdf#search=%22modal%20insan%20dari%20perspektif%20islam%22>
- Sidek Baba (2005). "*Pembangunan Modal Insan Remaja Sasaran Utamanya.*" Laman web adun negeri johor. Diperoleh semula pada 4 Oktober 2006 daripada <http://www.johordt.gov.my/adun/home.php?idun=4&panggilmenu=detailberita&idberita=1483>
- "*Risalah Membangun Masyarakat Cemerlang Di Singapura.*" Diperoleh semula pada 2 Oktober 2006 daripada [http://www.muis.gov.sg/webpub/Risalah\\_Muis.pdf#search=%22dasar%20pendidikan%20dalam%20konteks%20politeknik%22](http://www.muis.gov.sg/webpub/Risalah_Muis.pdf#search=%22dasar%20pendidikan%20dalam%20konteks%20politeknik%22)